

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

(a) apakah usaha Kementerian bagi meningkatkan penglibatan usahawan kecil Bumiputera di luar bandar Sarawak dalam bidang keusahawanan; dan

(b) berapa jumlah bantuan kepada usahawan kecil di kawasan Parlimen P204 Betong pada tahun 2019-2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bertanggungjawab sebagai pemudahcara kepada para usahawan mikro hingga ke perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pelbagai inisiatif dan program telah dirangka dan dilaksana bagi memastikan para usahawan ini kekal berdaya saing di pasaran tempatan mahupun global. Ini termasuklah bantuan pembiayaan dan kewangan, latihan dan bimbingan serta akses ke pasaran yang lebih kompetitif dan berdaya saing. Program-program ini dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah MEDAC termasuklah di negeri Sarawak.

Di antara program yang terlibat di Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) Program pembiayaan bermula dari RM1,000 hingga RM100,000 mengikut keperluan perniagaan usahawan yang disediakan oleh TEKUN Nasional.
- (ii) Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di bawah SME Corp yang dirangka bagi meningkatkan daya tahan usahawan dalam mengendali dan menguruskan perniagaan. Sejak tahun 2014, seramai 474 peserta khusus dari negeri Sarawak dengan jumlah jualan terkumpul sebanyak RM8.68 juta dilatih oleh SME Corp di bawah TUBE.
- (iii) Pembiayaan di bawah SME Bank, yang mana sebanyak RM169.84 juta kepada 139 usahawan telah diluluskan bagi tahun 2020. Susulan pandemik COVID-19, SME Bank menyediakan inisiatif penangguhan pembayaran selama enam bulan serta penstrukturan semula pembiayaan mengikut kes tertentu. Di samping itu, SME Bank juga telah menganjurkan program 'Outreach' yang telah dihadiri oleh 67 usahawan di Sarawak.
- (iv) Dari sudut latihan, Institut Keusahawan Negara (INSKEN) telah melaksanakan sebanyak 7 program latihan dan kursus khusus

NO. SOALAN : 11

di Sarawak. Latihan tersebut adalah INSKEN Business Outreach (IBO), Agri-Coaching and Industry Development Programme (ACID), Kursus Asas Keusahawanan (KAK), INSKEN Business Coaching dan Business Enhancement Program, Online Onboarding Programme (E-Board), INSKEN Documentation Review Reporting dan INSKEN e-Bizclinic.

Banyak lagi program-program lain yang direka mengikut keperluan pasaran semasa khusus untuk para usahawan kecil melalui agensi- agensi lain di bawah MEDAC sebagai contoh Program Business In Transformation dan Skim Pembiayaan Foodtruck oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNS). MEDAC sentiasa berusaha untuk membantu dan menyokong para usahawan bumiputera terutamanya usahawan kecil dan mikro untuk memperkasakan perniagaan mereka agar dapat dikembang dan berdaya saing di pasaran tempatan dan seterusnya ke peringkat antarabangsa.

(b) Secara khususnya MEDAC tidak mempunyai maklumat mengenai usahawan kecil yang menerima bantuan bagi Parlimen Betong kerana agensi-agensi MEDAC tidak mempunyai cawangan di Parlimen Betong. Namun begitu, dua agensi MEDAC iaitu TEKUN Nasional dan Bank Rakyat yang mempunyai cawangan terdekat telah memberi bantuan kepada usahawan kecil termasuk bagi Parlimen Betong. Dari tahun 2019 sehingga bulan September 2020, TEKUN Nasional telah membantu seramai 1,106 orang usahawan menerusi pejabat cawangan di Saratok dengan nilai pembiayaan dikeluarkan berjumlah RM7,287,500. Manakala pihak Bank Rakyat telah membantu seramai 5 orang usahawan menerusi pejabat cawangan di Sri Aman dengan nilai pembiayaan dikeluarkan berjumlah RM44,000.

Sekian, terima kasih.